

# Peluang dapatkan produk ternakan, pokok orkid

**KUALA LUMPUR 19 Okt.** - Orang ramai berpeluang mendapatkan daging lembu dan rusa serta susu lembu segar keluaran ladang ternakan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pelbagai spesies pokok orkid dalam Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM ke-40 yang bermula esok sehingga 26 Oktober ini.

Universiti itu dalam satu kenyataan berkata, produk itu dijamin kualitinya kerana ternakan UPM sentiasa diberikan penjagaan kesihatan serta berkala serta mendapat pengiktirafan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Turut berlangsung di sepanjang ekspo berkenaan adalah zoo mini dan pameran ternakan

yang menampilkan lembu pedaging baka brangus iaitu lembu daripada kacukan baka brahman dan angus yang boleh mencapai berat dewasa antara 700 dan 800 kilogram (kg) seekor.

“Pengunjung turut berpeluang melihat, memberi makan dan bergambar dengan spesies rusa tropika *cervus timorensis* yang boleh mencapai berat badan antara 80 hingga 100 kg,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, pengunjung boleh melihat baka *thoroughbred* yang digunakan untuk sukan latihan gabungan, polo, lumba dan sukan ekues-



trian lain.

Dalam pada itu katanya, usahawan luar dijemput untuk memberikan pengalaman kepada anak-anak kecil untuk bermain bersama anab di *Rabbit Petting Zoo*.

“Sementara itu, pameran ternakan yang diadakan di Edupark UPM menyediakan Muzium Anatomi Hai-

wan, Muzium Anatomi Manusia, Galeri Serdang, Taman Koservatori dan Muzium Warisan Melayu,” katanya.

Bagi peminat orkid pula, mereka berpeluang mendapatkan pelbagai jenis spesies orkid dengan harga di antara RM15 sehingga RM50 setiap satu.